

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI
PETANI]**

TARIKH : 10 JUN 2014

SOALAN :

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:-**

- (a) adakah benar keputusan penubuhan Unit Integriti di setiap Kementerian membayangkan Jabatan Perkhidmatan Awam gagal mengawal tindak laku dan salahlaku penjawat awam; dan
- (b) berikan jumlah penjawat awam yang telah diambil tindakan tatatertib, dan jenis tindakan dalam lima tahun yang lalu.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan Kerajaan menubuhkan Unit Integriti di setiap Kementerian adalah sama sekali tidak membayangkan Jabatan Perkhidmatan Awam gagal mengawal tindak laku dan salahlaku penjawat awam. Malahan penubuhan Unit Integriti di agensi awam merupakan langkah kerajaan yang berterusan untuk memantapkan integriti bagi menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang. Ia juga bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme.

Dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu iaitu 2009 hingga 2013, seramai 20,434 orang penjawat awam di Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dikenakan tindakan tatatertib iaitu:

- (a) 4,743 dibuang kerja;
- (b) 125 diturunkan pangkat dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 48 bulan;

- (c) 963 diturunkan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 36 bulan;
- (d) 2,048 ditangguhkan pergerakan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 30 bulan;
- (e) 3,491 dilucutkan hak emolumen dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 24 bulan;
- (f) 3,373 dikenakan denda maksimum 7 hari emolumen dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 18 bulan; dan
- (g) 10,531 diberi amaran dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan

Jumlah tersebut mengambil kira seseorang penjawat awam juga boleh dikenakan lebih daripada satu hukuman tatatertib apabila didapati bersalah melakukan kesalahan tatatertib.

Sekian. Terima kasih.